

31/10/2003

Pengalaman liputan Dr M segar selamanya

By Sang Bedal

SECARA peribadi, Sang Bedal terlalu merasakan kehilangan seorang pemimpin hebat dan luar biasa apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersara mulai hari ini. Khusus untuk sejarah ini, izinkan Sang Bedal berkongsi cerita dan pengalaman dengan pembaca. Sang Bedal sifatkan beliau pemimpin Melayu agung zaman moden ini. Kemampuan, kebijaksanaan dan pemikiran jangka panjang beliau tidak boleh dipertikaikan. Beliau berjaya meletakkan Malaysia di atas landasan selesa dan gemilang.

Sang Bedal sebelum menceburi `dunia ikan' adalah wartawan di meja berita dan banyak membuat liputan politik serta gerak kerja Dr Mahathir sejak 1993 sehingga 1997. Walaupun tempoh itu tidak cukup matang bagi seorang wartawan mengenai beliau sepenuhnya namun pengalaman membuat liputan Dr Mahathir sangat tidak ternilai.

Masih segar dalam ingatan bagaimana kami sesama wartawan berbincang terlebih dulu sementara menunggu Dr Mahathir selesai mesyuarat dan mengadakan sidang akhbar. Kami perlu membuat `pre-council' bagi merancang strategi bertanya soalan yang hendak dikemukakan. Kami menyusun soalan satu persatu bagi membolehkan kami mendapat jawapan atau soalan berkenaan dijawab. Andai kata kita tidak bersiap sedia dengan susunan soalan, Dr Mahathir dengan mudah akan mematahkan soalan itu dan `back-fire' kepada wartawan yang bertanya. Itulah sedikit sebanyak pengalaman Sang Bedal dengan Dr Mahathir.

Selain itu, Dr Mahathir sebenarnya suka memancing terutama di laut. Difahamkan Dr Mahathir ada bot sendiri di Kuala Kedah dan ketika tiada tugas di kliniknya di Alor Star ketika itu, beliau akan memancing. Sepanjang tempoh menjadi Perdana Menteri, beliau juga ada sekali dua memancing melalui trip peribadi atau ketika bercuti rasmi.

Dalam satu acara memancing yang dikendalikan oleh Unit Joran di Langkawi, awal tahun ini, beliau antara berkata lebih kurang seperti berikut apabila hampir 20 minit memancing tetapi umpan tidak disentuh ikan. "Saya memang tak boleh pancing (dalam tempoh lama dan tidak mendapat ikan). Saya kurang sabar. Saya ingat memancing lebih banyak makan masa berbanding main golf, lepas main boleh balik. Kaki pancing tak akan balik jika belum dapat ikan dan terus memancing apabila sudah dapat ikan..."

Sebelum itu, seorang petugas Unit Joran memberi panduan cara melontar umpan pancing. Tetapi daripada gaya melontar, memang Dr Mahathir pandai memancing.

Sang Bedal berharap mulai esok Dr Mahathir akan mempunyai masa untuk memancing semula. Hobi ini ternyata cukup mententeramkan dan kita mampu berinteraksi dengan alam mahupun diri sendiri sekali gus membuat perkiraan mengenai pelan yang hendak dilakukan.

Matahari, berpeluh, menghidup udara segar, menikmati suasana nyaman dan panorama indah adalah pakej yang bakal diperoleh pemancing. Ini tidak berlaku dalam kegiatan lain yang banyak mencetuskan persaingan dengan pihak lain.

Melalui kesempatan ini, Sang Bedal mewakili Unit Joran Berita Harian dan kaki pancing di seluruh negara mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana melakukan yang terbaik untuk agama, bangsa dan negara.

(END)